BAHAGIAN A

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Manakah merupakan lautan di dunia?
- **A** Hindi
- **B** Eropah
- **C** Antartika
- **D** Mediterranean

2 Bagaimanakah keadaan manusia pada Zaman Prasejarah?
- **A** Manusia hidup secara nomad
- **B** Manusia hidup dalam kesejukan
- **C** Manusia tidak mempunyai pekerjaan
- **D** Manusia belum mengenal sistem tulisan

3 Tokoh berikut telah memperkenalkan konsep tamadun.

Ibn Khaldun

Apakah konsep tamadun yang diperkenalkan oleh tokoh tersebut?
- I Rohaniah
- II Hadharah
- III Madaniyyah
- IV Muqqadimah
- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

4 Pilih padanan yang tepat berkaitan dengan lokasi negara kota berikut.
- **A** Memphis – Sungai Nil
- **B** Uruk – Sungai Indus
- **C** Anyang – Sungai Tigris
- **D** Mohenjo-Daro – Huang He

LIVEWORKSHEETS

5 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan di Sparta, Yunani.

Terdapat dua orang raja yang memerintah Sparta bersama-sama.

Apakah kepentingan sistem pemerintahan tersebut dilaksanakan?
A Mengimbangi kuasa dengan adil
B Mengelakkan pemerintahan yang kejam
C Meningkatkan perdagangan luar negara
D Membangunkan negara dengan sistematik

6 Mengapakah reka bentuk Masjid Cordoba di Sepanyol dibina melengkung?
A Memberikan keselesaan
B Mewujudkan rasa tenang
C Memudahkan pengudaraan
D Melambangkan perasaan hormat

7 Apakah kepentingan lokasi berikut terhadap kerajaan di Alam Melayu?

Kerajaan	Lokasi
Funan	Oc Eo
Angkor	Yasodharapura
Kedah Tua	Sungai Mas

A Pusat pelabuhan
B Pusat keagamaan
C Pusat kebudayaan
D Pusat pemerintahan

8 Apakah peranan rakyat merdeka dalam kerajaan Alam Melayu?
A Mengetuai ketenteraan
B Menjaga keamanan negeri
C Menjana ekonomi kerajaan
D Membantu urusan pentadbiran

9 Mengapakah masyarakat tempatan membina masjid di Alam Melayu?
I Pusat ibadat
II Pusat ekonomi
III Pusat kesenian
IV Pusat pendidikan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

© Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X)
KERTAS MODEL AKTUAL PT3 Sejarah
LIVEWORKSHEETS

10 Maklumat berikut berkaitan dengan muara Sungai Bertam.

Parameswara telah memilih Sungai Bertam untuk membentuk kerajaan kerana kedudukannya yang strategik.

Apakah fungsi awal muara sungai ini sebelum menjadi kerajaan?

A Pelabuhan enterpot
B Benteng pertahanan
C Pusat penanaman padi
D Perkampungan nelayan

11 Bagaimanakah Long Yunus berusaha untuk menyatukan Kelantan?

A Mendapat bantuan ketenteraan
B Meminta bantuan kerajaan Siam
C Mengadakan hubungan diplomatik
D Melantik kerabat diraja sebagai pemimpin

12 Maklumat berikut berkaitan dengan keunikan Adat Perpatih.

Upacara kedim

Apakah tujuan upacara tersebut diadakan?

A Menyambut tahun baharu
B Menerima orang suku lain
C Menerima kelahiran baharu
D Mengelakkan semangat jahat

13 Bagaimanakah sistem pendidikan tidak formal disampaikan kepada kanak-kanak?

A Menuntut di masjid
B Membaca al-Quran
C Menerusi guru agama
D Mempelajari kemahiran

14 Perjanjian berikut telah ditandatangani oleh British dan Belanda.

Perjanjian London 1824

Mengapakah perjanjian tersebut ditandatangani?

A Persaingan kuasa
B Perluasan pengaruh
C Pengukuhan persahabatan
D Penyebaran agama Kristian

LIVEWORKSHEETS

15 Gambar berikut berkaitan dengan Gedung Raja Abdullah di Lembah Klang.

Apakah fungsi bangunan tersebut?
A Pusat pembayaran cukai
B Benteng pertahanan utama
C Pusat pengumpulan bijih timah
D Institusi penyelidikan perubatan

16 Pada tahun 1909, British telah menubuhkan Majlis Mesyuarat Persekutuan di negeri-negeri Melayu.
Apakah tujuan penubuhan majlis tersebut?
A Menjadi penasihat sultan
B Menjaga keamanan negeri
C Meluluskan undang-undang
D Mengurus pentadbiran wilayah

17 Siapakah yang telah dihantar oleh Sultan Brunei untuk menjadi pembesar Brunei di Sarawak?
A Sultan Abdul Mumin
B Pengiran Indera Mahkota
C Datu Patinggi Abdul Ghafur
D Pengiran Raja Muda Hashim

18 Hospital berikut telah dibina di Kuala Lumpur pada tahun 1881.

Hospital Tung Shin

Apakah pihak yang telah membina hospital tersebut?
A Pengusaha ladang
B Kontraktor Eropah
C Mubaligh Kristian
D Kapitan Cina

LIVEWORKSHEETS

19 Peta berikut berkaitan dengan kawasan penentangan di Naning.

Mengapakah penentangan tersebut tercetus?

A Penubuhan balai polis
B Paksaan pembayaran ufti
C Pelaksanaan cukai hasil
D Penghapusan orang suruhan

20 Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909 telah menetapkan garis sempadan Negeri-negeri Melayu Utara.
Bagaimanakah asas garis sempadan tersebut ditentukan?

I Legeh
II Pantai
III Jalan raya
IV Lembah sungai

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS